

## **BANTUAN SEMINAR DAN BENGKEL PENDIDIKAN PELAJAR**

### **OBJEKTIF**

Bantuan kewangan kepada pihak Sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Persatuan Pelajar, Badan NGO dan sebagainya bagi tujuan menganjur seminar atau bengkel atau mana-mana aktiviti pendidikan untuk kecemerlangan pelajar.

### **Definisi:**

Bantuan ini hanyalah dikhususkan untuk seminar dan bengkel peperiksaan UPKK, UPSR, PT3, SPM STPM/STAM dan berkaitan.

### **KEKERAPAN**

Kadar bantuan diberi sekali sahaja untuk setiap peringkat program dan aktiviti setahun.

Peringkat	Maksimum	Catatan
UPSR/UPKK	Sekali Sahaja.	Setiap peringkat program dan aktiviti.
PMR		
SPM		
STPM/STAM		

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan atau mendapat pengiktirafan daripada pihak Kerajaan (i.e Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), atau yang berkaitan).
2. Keutamaan diberi kepada aktiviti yang berbentuk pendidikan dan kecemerlangan pelajar yang mana sebahagian besarnya dihadiri oleh pelajar Islam.
3. Mengemukakan surat permohonan bersama program dan aktiviti yang akan dianjurkan.
4. Pemohon hendaklah mengemukakan kertas kerja aktiviti yang hendak dianjurkan.
5. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
6. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).
7. Keutamaan diberi bagi aktiviti yang dianjurkan di Sarawak sahaja.
8. Permohonan tidak akan dilayan jika program atau kursus/aktiviti tersebut telah dilaksanakan

**DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Surat permohonan.
2. Kertas kerja.
3. Laporan pencapaian ke atas aktiviti yang telah dilaksanakan. (Bagi permohonan yang berulang)
4. Laporan siasatan ke atas Institusi, organisasi, persatuan dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
5. Salinan buku akaun (Institusi/Pusat pengajian/Badan organisasi/Sekolah/PIBG/Persatuan/Masjid/Surau dan yang berkaitan).
6. Salinan sijil atau surat pendaftaran.